

Surau Al-Ehsan Fasa 2, Bandar Baru Bangi

Sejarah Penubuhan Surau (Haji Ishak)

Menurut temubual yang dijalankan bersama Haji Ishak Bin Fatih Din iaitu setiusaha Surau Al-Ehsan:

Tertubuhnya surau Al Ehsan apabila berlakunya pembangunan di Bandar Baru Bangi pada tahun 1977 di bawah Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor. Oleh itu, ramai penduduk yang terdiri daripada golongan berkepentingan telah berhijrah ke Bandar Baru Bangi atas penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia. Secara amnya, Bandar Baru Bangi diwujudkan pada tahun 1977 sempena pembangunan Universiti Kebangsaan Malaysia. Kebanyakkan penduduk yang berhijrah ke Bandar Baru Bangi merupakan penganut beragama Islam dan mereka memerlukan sebuah rumah ibadat untuk pelbagai tujuan seperti beribadah, berkumpul dan bermusyawarah. Disebabkan kerajaan mewujudkan satu bandar baru iaitu Bandar Baru Bangi, maka wujudlah surau ini.

Pada tahun 1978, penempatan baru di kawasan Bandar Baru Bangi telah siap dibina dan pada tahun 1981, bangunan teres satu tingkat telah diduduki oleh penduduk yang berhijrah ke situ. Oleh itu, pada 19 Jun 1981 penduduk dari Bandar Baru Bangi, Seksyen 2 telah bersepakat untuk menubuhkan sebuah surau fasa pertama iaitu merupakan sebuah rumah teres setingkat beralamat NO 24 Jalan 2/4C untuk kepentingan bersama. Maka, mereka menubuhkan sebuah jawatankuasa surau yang dipengerusikan oleh Ustaz Abdul Rasyid manakala jawatankuasa penduduk pertama pula dipengerusikan oleh Haji Ahmad Yunus.

Setelah penduduk di sekitar seksyen 2 semakin bertambah, mereka membuat keputusan untuk membina sebuah surau yang kedua pada tahun 1986. Surau Al-Ehsan fasa yang kedua ini bertahan selama 10 tahun yang dibina oleh Syeikh Ali Masyhur yang merupakan seorang pensyarah di UPM. Surau fasa kedua kini telah dijadikan sekolah tahniz iaitu Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).

Kemudiannya, penduduk sekitar Seksyen 2 mendapat peruntukan daripada kerajaan untuk membina sebuah surau yang lebih besar dan selesa untuk menampung keperluan penduduk sekitar seksyen 2. Surau fasa yang ketiga ini mula dibina pada tahun 1996 dan rasmi digunakan pada tahun 1997 sehingga kini. Pengurus pertama bagi surau Al-Ehsan fasa yang ketiga ialah Prof. Dr. Abdul Rahim.

Jawatankuasa surau ketiga ataupun lebih dikenalai sebagai Surau Al-Ehsan, Bandar Baru Bangi Seksyen 2 ini telah berubah dari masa ke semasa. Tampuk pemerintahan pengurus di surau ini merupakan seseorang yang berpengaruh kerana mereka mempunyai daya keintelektualan yang tinggi. Pengurus pertama surau adalah Ustaz Rasyid yang juga merupakan bekas imam penjara kajang. Nama Surau Al-Ehsan ini merupakan idea beliau berdasarkan ehsan/simpati orang ramai kerana segala pembentukan atau peralatan yang ada di surau tersebut diinfakkan oleh orang ramai. Seterusnya adalah Cikgu Mohd Yunus, Prof Rahim, Prof Amran, Prof Supyan.

Advertisements

[REPORT THIS AD](#)

Posted on March 16, 2017May 3, 2017 by suraualehsanbbb

[Blog at WordPress.com.](#)